

Ekonomi (944)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 16 901 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 55.25%, iaitu meningkat sebanyak 1.32% berbanding dengan pada tahun 2010.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	5.04	4.88	6.27	8.04	8.71	11.28	11.03	7.81	6.76	7.72	22.46

RESPONS CALON

KERTAS 944/1 (MIKROEKONOMI)

ANEKA PILIHAN

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	16	C
2	D	17	B
3	B	18	C
4	C	19	C
5	C	20	B
6	B	21	A
7	D	22	C
8	B	23	B
9	D	24	A
10	B	25	A
11	B	26	B
12	D	27	C
13	B	28	B
14	A	29	B
15	D	30	D

ESEI RINGKAS, ESEI, DAN KUANTITATIF

Komen am

Secara keseluruhannya, pencapaian calon pada tahun ini tidak banyak berbeza dengan pencapaian calon pada tahun lepas. Secara amnya, terdapat tiga aras jawapan yang dikemukakan oleh calon, iaitu aras baik, sederhana, dan lemah. Jawapan calon yang arasnya baik mempamerkan ciri jawapan yang terancang. Jawapan dikemukakan mengikut tertib dengan olahan jawapan yang tersusun dan menepati kehendak soalan. Calon yang berada dalam aras ini merupakan calon yang dapat menguasai ilmu ekonomi dengan baik. Mereka dapat mengintegrasikan teori dan mengaplikasikannya dalam menyelesaikan masalah ekonomi secara deskriptif dan kuantitatif.

Sebahagian besar jawapan calon berada pada aras sederhana. Jawapan yang dikemukakan oleh calon menunjukkan wujudnya unsur kurang perancangan dalam menjawab soalan. Calon dalam kategori ini kurang membuat persediaan serta kurang menguasai dan memahami konsep ekonomi. Calon hanya menghafal definisi, konsep, dan istilah ekonomi, serta tidak dapat mengaitkan sesuatu teori ekonomi dengan masalah sebenar. Mereka berupaya menjawab soalan-soalan yang hanya memerlukan sesuatu definisi dan fakta-fakta. Kebanyakan calon dalam aras sederhana sering gagal menjawab soalan bahagian esei panjang yang memerlukan kefahaman yang lebih mendalam.

Calon dalam kategori lemah pula memperlihatkan penguasaan ilmu ekonomi yang amat terhad. Calon tidak dapat menjawab soalan berbentuk aplikasi dan kuantitatif dengan baik kerana calon kurang kemahiran untuk mengintegrasikan teori ekonomi. Selain itu, calon juga mempunyai asas matematik yang lemah. Kurang kepekaan juga merupakan satu masalah bagi calon-calon yang lemah kerana mereka seringkali tidak meletakkan unit ukuran dalam jawapan akhir.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN B: Esei Ringkas

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan pernyataan “Kehendak manusia tidak terhad, tetapi sumber ekonomi adalah terhad”. Kebanyakan calon tidak dapat membezakan masalah asas ekonomi dengan masalah kekurangan, pilihan, dan kos lepas yang wujud akibat kehendak manusia yang tidak terhad, tetapi sumber ekonomi adalah terhad. Calon sepatutnya memberikan penjelasan bahawa implikasi kekurangan sumber menyebabkan sebahagian barang dan perkhidmatan sahaja yang dapat dikeluarkan dan bukannya konsep kekurangan sumber, iaitu kekurangan tanah dan modal.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menerangkan tiga faktor yang boleh meningkatkan penawaran kereta buatan Malaysia dengan ringkas. Kebanyakan calon tidak dapat menghuraikan isi penting dengan tepat, iaitu kos pengeluaran menurun atau daya produktiviti meningkat. Calon sepatutnya memberikan jawapan seperti yang berikut:

- (a) Harga input menurun menyebabkan kos pengeluaran menurun dan penawaran meningkat.
- (b) Teknologi meningkat menyebabkan daya pengeluaran meningkat, kos menurun, dan penawaran bertambah.
- (c) Pemberian subsidi/pengurangan cukai menyebabkan kos pengeluaran menurun dan penawaran meningkat.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan tiga faktor yang dapat mempengaruhi keanjalan penawaran, iaitu (a) jangka masa pengeluaran, (b) perubahan kos pengeluaran, dan (c) faktor pengeluaran tertentu.

Bagi faktor jangka masa pengeluaran, kebanyakan huraian calon tidak tepat. Calon mentafsirkan jangka masa pengeluaran sebagai jangka masa, sedangkan jangka masa pengeluaran merujuk kepada tempoh pengeluaran. Huraian yang tepat adalah bagi jangka pendek, penawaran kurang anjal kerana ada input tetap dan input berubah. Bagi jangka panjang pula, penawaran anjal kerana semua input ialah input berubah.

Bagi faktor perubahan kos pengeluaran, kebanyakan jawapan calon kurang tepat. Huraian yang tepat adalah bagi tambahan kos pengeluaran yang sedikit, penawaran anjal. Bagi tambahan kos besar, penawaran kurang anjal.

Bagi faktor perubahan pengeluaran tertentu, majoriti calon memberikan jawapan yang baik. Jawapan yang tepat adalah jika faktor pengeluaran tertentu memerlukan faktor pengeluaran khusus, maka ini menyebabkan penawaran kurang anjal, tetapi jika tidak memerlukan faktor pengeluaran khusus, maka penawaran akan menjadi anjal.

Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menerangkan maksud hukum utiliti sut berkurangan. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan definisi hukum utiliti sut berkurangan. Calon tidak menyatakan “tambahan satu penggunaan barang”. Jawapan yang tepat ialah hukum utiliti sut berkurangan merupakan tambahan satu unit penggunaan barang yang menyebabkan utiliti sut semakin berkurangan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan tindakan seorang pengguna ke atas pembelian suatu barang jika (i) utiliti sut barang adalah lebih besar daripada harga, dan (ii) utiliti sut barang adalah lebih kecil daripada harga.

Kebanyakan calon tidak menyatakan syarat keseimbangan yang perlu dicapai semula apabila $MU = P$. Jawapan yang tepat adalah seperti yang berikut:

- (i) $MU > P \rightarrow$ pengguna akan menambah/meningkatkan pembelian barang sehingga $MU = P$.
- (ii) $MU < P \rightarrow$ pengguna akan mengurangkan pembelian barang sehingga $MU = P$.

Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memberikan maksud keluaran sut. Kebanyakan calon gagal memberikan definisi keluaran sut kerana mereka tidak menyatakan “akibat tambahan satu unit input”. Jawapan yang tepat ialah keluaran sut merupakan tambahan jumlah keluaran akibat tambahan satu unit input.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon memberikan huraian secara ringkas tentang hubungan antara keluaran sut dan keluaran purata dengan menggunakan gambarajah. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat sebahagian kecil calon yang tidak melabelkan paksi dengan betul, iaitu paksi menegak ialah output dan paksi mendatar ialah input/kuantiti buruh.

Jawapan yang tepat adalah seperti yang berikut:

- (i) Apabila keluaran sut melebihi keluaran purata, keluaran purata akan meningkat.
- (ii) Apabila keluaran sut sama dengan keluaran purata, keluaran purata berada pada tahap maksimum.
- (iii) Apabila keluaran sut kurang daripada keluaran purata, keluaran purata akan menurun.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan dua kelebihan dan dua kelemahan pasaran persaingan sempurna. Bagi jawapan untuk kebaikan pasaran sempurna, kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik dengan menyatakan kecekapan peruntukan dan kecekapan pengeluaran. Bagi jawapan untuk kelemahan pasaran sempurna, kebanyakan calon gagal menghuraikan aspek tiada penyclidikan dan pembangunan dan mewujudkan kos sosial.

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon memberikan penjelasan bagaimana tingkat upah buruh dalam pasaran persaingan sempurna ditentukan dengan bantuan gambar rajah. Calon tidak dapat membezakan rajah penentuan tingkat upah buruh dalam pasaran dan firma persaingan sempurna. Majoriti pelajar gagal mendapat markah yang baik dalam soalan ini. Jawapan yang tepat ialah upah keseimbangan tercapai pada $SL = DL$. Upah berada pada W_0 dan kuantiti berada di L_0 . Pada $SL > DL$, iaitu pada upah W_1 , berlaku lebih buruh, maka upah akan jatuh sehingga $SL = DL$. Pada $SL < DL$, iaitu pada upah W_2 , berlaku lebih permintaan buruh, maka upah akan meningkat sehingga $SL = DL$. Calon juga perlu melukis gambar rajah bagi menerangkan jawapan ini.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan sebab kerajaan (a) menetapkan harga minimum, (b) memberi subsidi, dan (c) memiliknegerakan syarikat dengan memberikan contoh yang sesuai. Kebanyakan calon gagal menyatakan contoh dengan tepat. Bagi jawapan (a), calon sepatutnya menerangkan kerajaan menetapkan harga minimum bagi membantu pengeluar. Contohnya, penetapan harga minimum padi bagi meningkatkan pendapatan petani. Bagi jawapan (b), kerajaan memberikan subsidi bagi menampung kos pengeluaran. Contohnya, pemberian subsidi baja kepada petani/subsidi diesel kepada nelayan. Jawapan (c), iaitu memiliknegerakan syarikat, tujuan kerajaan memiliknegerakan syarikat adalah untuk meningkatkan kebajikan masyarakat. Contohnya, kerajaan memiliknegerakan pertahanan negara untuk keselamatan/Petronas dan Bernas untuk kepentingan ekonomi.

BAHAGIAN C: Esei

Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan perubahan keseimbangan pasaran bagi (a) dapur gas dan (b) gas, apabila penawaran dapur gas meningkat dengan menggunakan gambar rajah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat melukis rajah dengan betul dan dapat menghuraikannya dengan baik. Namun begitu, calon tersalah menandakan keluk SS dan DD.

Bagi soalan (a), calon sepatutnya melukis gambar rajah dan menerangkan keseimbangan asal bagi dapur gas adalah pada titik E_0 , $D_0 = S_0$, atau pada tingkat harga P_0 dan kuantiti Q_0 . Apabila penawaran dapur gas meningkat, keluk penawaran dapur gas akan beralih ke kanan menjadi S_1 dan keseimbangan baru adalah pada titik E_1 . Harga akan turun kepada P_1 dan kuantiti akan meningkat kepada Q_1 . Bagi soalan (b) pula, calon sepatutnya melukis gambar rajah dan memberikan penerangan apabila kuantiti dapur gas yang dijual meningkat di pasaran, maka permintaan gas akan meningkat.

Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud *industri* dengan memberikan contoh. Ramai calon gagal mentakrifkan maksud *industri*. Majoriti calon memberikan jawapan maksud *industri* ialah gabungan firma dalam mengeluarkan barangan yang sama. Calon gagal memberikan contoh yang betul. Jawapan yang tepat ialah industri bermaksud sekumpulan/sejumlah firma yang mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang sama jenis atau hampir sama yang boleh menjadi pengganti antara satu sama lain. Contohnya, industri petrol merupakan sekumpulan firma yang mengeluarkan petrol dalam pasaran, seperti BHP, Exxonmobil, Shell, dan Petronas.

Soalan (b) menghendaki calon memberikan dua perbezaan antara konsep jangka pendek dengan konsep jangka panjang. Majoriti calon gagal memberikan jawapan yang baik. Calon perlu menghuraikan fakta yang tepat untuk kedua-dua jangka masa bagi memperoleh markah penuh. Jawapan yang tepat ialah faktor pengeluaran atau kos pengeluaran, kebebasan keluar masuk firma, dan teknologi. Tiada peruntukan markah diberikan untuk soalan perbezaan jika calon hanya menghuraikan satu jangka masa dengan tepat.

Soalan (c) menghendaki calon memberikan penjelasan, adakah firma akan memaksimumkan keuntungan apabila keluaran sut menjadi sifar dalam pasaran persaingan sempurna. Majoriti calon tidak dapat memberikan huraian yang tepat kerana berdasarkan silibus, penentuan tingkat keseimbangan firma semua pasaran hanya dibincangkan berdasarkan pendekatan jumlah hasil (JH) dan jumlah kos (JK) serta pendekatan kos sut (MC) = hasil sut (MR) dalam jangka pendek dan jangka panjang dengan bantuan gambarajah.

Soalan 11

Soalan (a) menghendaki calon memberikan definisi diskriminasi harga. Kebanyakan calon tidak memberikan jawapan yang lengkap. Calon hanya menyatakan fakta sahaja. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh. Kata kunci bagi soalan ini ialah harga berbeza dan barang sama.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan syarat-syarat yang diperlukan oleh sebuah firma yang ingin mengamalkan diskriminasi harga. Kebanyakan calon tidak memberikan huraian yang lengkap. Calon hanya menyatakan fakta sahaja. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh. Calon tidak dapat membezakan jumlah hasil dan keuntungan yang diperoleh melalui diskriminasi harga. Syarat-syarat untuk mengamalkan diskriminasi harga ialah firma tersebut mestilah bersifat monopoli, barang yang didiskriminasikan dari segi harga tidak boleh dipindahkan daripada satu pasaran kepada pasaran yang lain, pasaran yang berbeza, dan melibatkan kos yang kecil dalam pelaksanaan diskriminasi harga.

Soalan (c) menghendaki calon menyatakan dua kebaikan yang diperoleh pengguna dalam pasaran bermonopoli. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang tepat tentang kebaikan pasaran bermonopoli kepada pengguna ialah pengguna mendapat maklumat daripada iklan, mendapat khidmat lepas jualan, pengguna mempunyai pilihan, dan pengguna memperoleh barangan yang lebih baik (kualiti).

Soalan 12

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan dua penentu darjah keanjalan permintaan input pengeluaran. Majoriti calon tidak dapat membezakan penentu keanjalan permintaan input pengeluaran dengan penentu keanjalan permintaan. Calon sepatutnya menjelaskan bilangan input pengganti, kepentingan sesuatu input kepada proses pengeluaran, dan bahagian kos sesuatu input dalam jumlah kos pengeluaran.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan tiga faktor yang mengalihkan keluk permintaan terhadap input. Calon tidak dapat membezakan penentu permintaan input dengan penentu permintaan. Selain itu, terdapat calon yang tidak dapat membezakan faktor yang menyebabkan perubahan keluk dengan perubahan titik di sepanjang keluk. Secara keseluruhannya, calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang tepat ialah perubahan permintaan barang, perubahan daya pengeluaran, dan harga input lain.

BAHAGIAN D: *Kuantitatif*

Soalan 13

Soalan ini berdasarkan persamaan penawaran barang X .

Soalan (a) menghendaki calon menghitung kuantiti barang yang ditawarkan di pasaran pada harga RM50.00 dan RM60.00. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat, namun terdapat calon yang tidak menulis unit. Jawapan yang tepat bagi soalan ini ialah kuantiti penawaran pada harga RM50 adalah sebanyak 14 unit dan kuantiti penawaran pada harga RM60 adalah sebanyak 18 unit.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghitung nilai keanjalan penawaran firma B dari harga RM50.00 ke RM60.00 dan menafsirkan nilai keanjalan itu. Kebanyakan calon dapat menghitung nilai keanjalan, tetapi tidak dapat mentafsirkan nilai keanjalan tersebut. Jawapan yang tepat ialah keanjalan penawaran firma $B = 1.11$. Hal ini bermakna, apabila harga naik sebanyak 1%, kuantiti ditawarkan naik sebanyak 1.11%.

Soalan (c) menghendaki calon menghitung nilai keanjalan penawaran pasaran apabila harga meningkat dari RM50.00 ke RM60.00. Kebanyakan calon dapat menghitung keanjalan itu. Jawapan yang tepat ialah $E_s = 1.43$.

Soalan (d) menghendaki calon membuat kesimpulan tentang nilai keanjalan pada (b) dan (c). Ramai calon keliru kerana tidak dapat membezakan keanjalan yang lebih besar, sama ada keanjalan penawaran pasaran atau keanjalan penawaran firma B . Jawapan yang tepat ialah keanjalan penawaran firma B adalah lebih rendah daripada keanjalan penawaran pasaran.

Soalan 14

Soalan ini berdasarkan persamaan permintaan dan persamaan penawaran bagi ikan bawal.

Soalan (a) menghendaki calon menghitung harga dan kuantiti ikan bawal pada tingkat keseimbangan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat, namun terdapat calon yang tidak menulis unit dalam jawapan. Jawapan yang tepat ialah $P(\text{harga}) = \text{RM}10$ dan kuantiti permintaan dan penawaran ialah $Q_d = Q_s = 75 \text{ kg}$.

Soalan (b) menghendaki calon melukis keluk permintaan dan keluk penawaran pada paksi-paksi yang sama dengan menggunakan kertas graf yang disediakan. Kebanyakan calon dapat melukis keluk dengan betul. Namun demikian, ramai calon tidak menulis paksi dengan betul.

Soalan (c) menghendaki calon menghitung lebihan pengguna pada harga keseimbangan. Tidak ramai calon dapat mengira lebihan pengguna dengan tepat. Jawapan yang tepat ialah RM1125.

Soalan (d) menghendaki calon menghitung perubahan lebihan pengguna sekiranya kerajaan mengenakan harga minimum ikan bawal pada RM12.00 sekilogram. Kegagalan calon menjawab soalan bahagian (c) menyebabkan calon gagal menjawab soalan ini. Jawapan yang tepat ialah RM145(-).

Soalan 15

Soalan ini berdasarkan fungsi permintaan, jumlah kos (TC), dan kos sut (MC) bagi firma pasaran persaingan sempurna.

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan firma tersebut berada dalam jangka pendek atau jangka panjang. Calon juga perlu menyatakan sebab bagi menyokong jawapan mereka. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan, iaitu firma tersebut berada dalam jangka pendek. Namun demikian, calon tidak dapat menyatakan sebabnya. Jawapan yang tepat ialah firma tersebut berada dalam jangka pendek kerana terdapat input tetap yang digunakan dalam proses pengeluaran atau firma menanggung kos tetap sebanyak RM200.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon (i) menyatakan syarat pemaksimuman untung bagi firma tersebut, (ii) menghitung tingkat harga dan kuantiti keseimbangan, (iii) menghitung keuntungan atau kerugian firma itu, dan (iv) menyatakan kesan terhadap bilangan firma dalam industri tersebut.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat, iaitu (i) syarat pemaksimuman untung adalah pada $P = MC$ atau $MR = MC$, (ii) tingkat harga dan kuantiti keseimbangan ialah RM400, (iii) keuntungan atau kerugian firma ini ialah RM39 800, dan (iv) bilangan firma dalam industri ini adalah bertambah.

Soalan 16

Soalan ini adalah berdasarkan fungsi permintaan dan penawaran bagi barang X dalam pasaran persaingan sempurna.

Soalan (a) menghendaki calon menghitung tingkat harga jualan barang X bagi firma tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat, iaitu RM10.00.

Soalan (b) menghendaki calon menghitung keluaran hasil purata (ARP) dan keluaran hasil sut buruh (MRP) bagi firma tersebut. Calon yang berprestasi tinggi dapat membina jadual dan memberikan jawapan yang tepat. Namun demikian, terdapat calon yang tidak menulis unit RM pada MRP dan ARP.

Jawapan yang tepat adalah seperti berikut:

Jumlah buruh (unit)	Keluaran X (unit)	TRP (RM)	ARP (RM)	MRP (RM)
0	0	0	-	-
10	100	1000	100	100
20	180	1800	90	80
30	240	2400	80	60
40	280	2800	70	40
50	300	3000	60	20

Soalan (c) menghendaki calon menghitung jumlah buruh yang diperlukan oleh pengeluar tersebut untuk memaksimumkan untung sekiranya upah buruh ialah RM40.00. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat, iaitu 40 unit. Namun demikian, terdapat calon yang tidak menulis “unit” pada jumlah buruh, sebaliknya calon menulis “orang”.

Soalan bahagian (d) menghendaki calon menghitung keuntungan yang diperoleh firma tersebut. Kebanyakan calon dapat mengira keuntungan yang diperoleh firma itu dengan tepat, iaitu RM1200.00.

KERTAS 944/2 (MAKROEKONOMI)

ANEKA PILIHAN

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	16	B
2	D	17	D
3	C	18	C
4	A	19	C
5	A	20	D
6	A	21	C
7	D	22	C
8	B	23	A
9	C	24	B
10	A	25	D
11	B	26	A
12	D	27	A
13	B	28	D
14	B	29	C
15	D	30	D

ESEI RINGKAS, ESEI, DAN KUANTITATIF

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Pemahaman calon tentang konsep dan teori asas ekonomi adalah kurang baik. Contohnya, definisi istilah *ekonomi* tidak diberikan dengan tepat, seperti *cukai langsung* dan *cukai tak langsung*. Calon tidak dapat membezakan pendapatan negara dengan pendapatan kerajaan, dasar fiskal dengan dasar kewangan, dan nilai wang dengan nilai mata wang. Calon belum menguasai kaedah penghuraian dan penganalisan yang sistematik terhadap sesuatu fakta. Contohnya, kesan peningkatan kadar cukai terhadap perbelanjaan isi rumah dan kesan peningkatan nisbah rizab berkanun terhadap pengurangan penawaran wang.

Calon tidak membuat perancangan semasa memberikan jawapan, terutamanya pada soalan esei. Kadang kala, calon mengulang fakta yang hampir sama dan memberikan jawapan yang panjang tanpa sebarang isi.

Majoriti calon dapat memberikan fakta yang tepat, namun mereka tidak dapat menghuraikan fakta tersebut dengan kritis, walaupun bagi topik yang mudah, seperti Soalan 2, Soalan 6, dan Soalan 7. Oleh itu, calon perlulah berusaha untuk meningkatkan kefahaman terhadap fakta bagi setiap topik supaya dapat memberikan huraian fakta dengan lebih bermutu dan tepat, sebagaimana yang dikehendaki oleh soalan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN B: Esei Ringkas

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan dua dasar makroekonomi yang boleh dilaksanakan untuk menstabilkan ekonomi semasa inflasi. Secara amnya, jawapan calon adalah lemah. Antara jawapan calon yang tidak menepati kehendak soalan adalah seperti yang berikut:

- (i) Membincangkan cara beberapa alat dasar kewangan digunakan untuk menstabilkan ekonomi. Walaupun banyak fakta yang dijelaskan, namun ia hanya merangkumi satu dasar sahaja, iaitu dasar kewangan.
- (ii) Ramai calon yang memberikan jenis dasar tertentu tanpa menjuruskan perbincangan kepada penggunaan dasar tersebut untuk menstabilkan ekonomi semasa inflasi.

Calon sepatutnya menerangkan bagaimana dasar fiskal, dasar kewangan, dasar kawalan langsung, dan dasar sebelah penawaran digunakan untuk mengawal inflasi. Secara ringkasnya, huraian yang diperlukan ialah:

- (i) Dasar fiskal – kerajaan mengurangkan perbelanjaan atau meningkatkan cukai supaya perbelanjaan agregat berkurang $\Rightarrow$ permintaan agregat berkurang $\Rightarrow$ pendapatan negara berkurang dan tingkat harga akan turun.
- (ii) Dasar kewangan – Bank pusat akan mengurangkan jumlah penawaran wang $\Rightarrow$ kadar bunga meningkat $\Rightarrow$ pelaburan turun $\Rightarrow$ perbelanjaan/permintaan agregat turun $\Rightarrow$ pendapatan negara berkurang dan tingkat harga akan turun.
- (iii) Dasar kawalan langsung – contohnya dasar harga maksimum. Kerajaan menetapkan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran, dengan itu harga terkawal, dan inflasi dapat dikawal.
- (iv) Dasar sebelah penawaran – contohnya penurunan cukai pendapatan syarikat. Dengan itu, keuntungan syarikat selepas cukai bertambah, menggalakkan kegiatan pengeluaran oleh syarikat $\Rightarrow$ pengeluaran meningkat, penawaran agregat bertambah $\Rightarrow$ harga akan turun.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan tiga kegunaan data pendapatan negara yang dihitung mengikut kaedah keluaran.

Secara amnya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Calon dapat memberikan fakta kegunaan data pendapatan negara dan rumus yang berkaitan. Namun demikian, calon tidak dapat menghuraikan setiap fakta dengan tepat dan tidak merujuk kepada sektor ekonomi. Sebagai contoh, untuk mengukur pertumbuhan ekonomi, calon perlu menjelaskan cara ukuran tersebut dilakukan, iaitu dengan memberikan rumus atau definisi, dan menjelaskan cara pentafsiran apabila nilainya positif atau negatif. Begitu juga untuk mengukur taraf hidup penduduk dan bagaimana ukuran tersebut dilakukan, iaitu dengan menggunakan konsep pendapatan per kapita. Calon perlu memberikan rumus atau definisi pendapatan per kapita dan menjelaskan keadaan taraf hidup apabila pendapatan per kapita meningkat atau merosot.

Apabila pendapatan negara dihitung mengikut kaedah keluaran, maka data bagi setiap sektor dapat dilihat secara terperinci. Oleh yang demikian, calon perlu menghubungkan jawapan dari segi sektor, contohnya membuat perancangan ekonomi mengikut sektor.

Satu lagi kesalahan yang sering dilakukan oleh calon adalah tidak memberikan rumus yang betul, terutamanya untuk menghitung kadar pertumbuhan ekonomi. Kadar pertumbuhan ekonomi perlu dihitung menggunakan KDNK benar mengikut harga tetap dan bukannya KDNK mengikut harga semasa.

Calon sepatutnya menghuraikan kegunaan kadar pertumbuhan ekonomi, iaitu untuk mengukur pertumbuhan ekonomi, mengukur sumbangan setiap sektor ekonomi, mengetahui perubahan struktur

ekonomi, mengukur pertumbuhan atau sumbangan antara tahun bagi setiap sektor ekonomi, membuat perancangan ekonomi mengikut sektor, dan mengukur taraf hidup penduduk.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon memberikan huraian bagaimana peningkatan kadar bunga dan kadar cukai dapat mempengaruhi perbelanjaan isi rumah dan pelaburan firma. Secara amnya, calon memahami kehendak soalan ini. Namun demikian, sebahagian besar calon menggabungkan kedua-dua perkara, iaitu kesan peningkatan kadar bunga dan kadar cukai ke atas perbelanjaan isi rumah dan juga ke atas pelaburan. Oleh itu, perbincangan calon bukan sahaja tidak menepati skema jawapan yang memerlukan perbincangan secara berasingan, malah calon tidak dapat memberikan penjelasan yang tepat.

Kelemahan calon yang lain adalah tidak dapat mengaitkan peningkatan kadar bunga dengan pulangan tabungan yang meningkat. Calon juga tidak mengaitkan peningkatan kadar bunga dengan kos meminjam meningkat.

Hal ini juga sama dengan kesan terhadap pelaburan firma, iaitu calon tidak mengaitkan kadar bunga yang tinggi dengan kos pinjaman yang mahal atau pulangan atas pelaburan portfolio meningkat dan pelaburan portfolio bertambah. Tiada calon yang memberikan jawapan yang mengaitkannya dengan pelaburan portfolio. Sebahagian calon hanya memberikan jawapan umum, iaitu kadar bunga meningkat menyebabkan perbelanjaan isi rumah menurun dan pelaburan firma menurun. Kadar cukai meningkat menyebabkan perbelanjaan isi rumah menurun dan pelaburan firma menurun.

Calon sepatutnya memberikan penjelasan secara berasingan bagaimana kadar bunga mempengaruhi perbelanjaan isi rumah dan bagaimana kadar cukai mempengaruhi perbelanjaan isi rumah. Jawapan yang tepat adalah seperti yang berikut:

- (i) Jika kadar bunga meningkat, pulangan tabungan meningkat, isi rumah akan meningkatkan tabungan, maka tingkat penggunaan akan berkurangan.
- (ii) Apabila kerajaan meningkatkan kadar cukai pendapatan, pendapatan boleh guna akan menjadi kurang. Akibatnya, tingkat penggunaan kurang. Seterusnya, calon perlu memberikan penjelasan secara berasingan bagaimana kadar bunga mempengaruhi pelaburan firma dan kemudian bagaimana kadar cukai mempengaruhi pelaburan firma.
- (iii) Jika kadar bunga adalah tinggi, kos pinjaman menjadi mahal/keuntungan pelaburan berkurang dan mengurangkan pinjaman, seterusnya mengurangkan tingkat pelaburan.
- (iv) Jika kerajaan menaikkan cukai keuntungan syarikat, keuntungan selepas cukai berkurangan. Hal ini akan mengurangkan minat firma untuk mengembangkan pelaburan. Oleh itu, pelaburan akan berkurang.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon memberikan penjelasan bagaimana tiga alat dasar kewangan kuantitatif boleh dilaksanakan oleh bank pusat untuk mengurangkan bekalan wang dalam negara.

Secara amnya, calon mengetahui semua alat dasar kewangan kuantitatif. Namun demikian, calon tidak memberikan penjelasan bagaimana bekalan wang akan berkurang, khususnya keupayaan penciptaan kredit yang menurun, deposit semasa yang menurun, dan seterusnya penawaran wang berkurang.

Kelemahan yang lain ialah calon tidak dapat memberikan fakta yang tepat. Sebahagian calon hanya memberikan fakta umum, contohnya operasi pasaran terbuka (tidak merujuk kepada menjual bon) dan rizab berkanun/rizab tunai minimum/kadar bank (tidak merujuk kepada kadarnya yang dinaikkan). Pada bahagian huraian pula, sebahagian besar calon kehilangan markah untuk bahagian deposit semasa

berkurangan, iaitu calon langsung tidak menjelaskan pengurangan deposit semasa. Sebaliknya, calon hanya mengaitkan jawapan dengan keupayaan memberikan pinjaman berkurangan dan proses penciptaan kredit berkurangan. Terdapat juga sebilangan kecil calon yang tidak dapat membezakan alat dasar kewangan kuantitatif dengan alat dasar kewangan kualitatif.

Jawapan yang sepatutnya ialah calon perlu menghuraikan tiga daripada langkah yang berikut:

- (i) Menjual bon melalui operasi pasaran terbuka – rizab bank perdagangan berkurangan, keupayaan bank perdagangan memberikan pinjaman berkurangan/penciptaan kredit berkurangan, deposit semasa berkurangan, dan bekalan wang berkurangan.
- (ii) Meningkatkan nisbah rizab berkanun – rizab bank perdagangan berkurangan, keupayaan bank perdagangan memberikan pinjaman berkurangan/penciptaan kredit berkurangan, deposit semasa berkurangan, dan bekalan wang berkurangan.
- (iii) Meningkatkan kadar bank/kadar diskaun – kadar bunga pinjaman bank perdagangan kepada orang ramai meningkat/kos pinjaman orang ramai meningkat, jumlah pinjaman orang ramai berkurangan/penciptaan kredit berkurangan, deposit semasa berkurangan, dan bekalan wang berkurangan.
- (iv) Meningkatkan nisbah rizab tunai minimum – rizab bank perdagangan berkurangan, keupayaan bank perdagangan memberikan pinjaman berkurangan/penciptaan kredit berkurangan, deposit semasa berkurangan, bekalan wang berkurangan.
- (v) *Funding* (pendanaan semula) – memanjangkan tempoh matang surat-surat jaminan kerajaan, keupayaan bank memberikan pinjaman berkurang, deposit semasa berkurangan, dan bekalan wang berkurangan.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan faktor yang mengehadkan proses penciptaan kredit.

Jawapan calon untuk faktor kebocoran wang tunai dan syarat pinjaman yang ketat adalah amat baik. Namun demikian, sebahagian besar calon tidak dapat memahami kehendak soalan dengan tepat. Calon tidak dapat menghuraikan fakta dengan baik dan sistematik. Terdapat calon yang memberikan jadual berangka yang tidak diperlukan. Kefahaman calon mengenai konsep penciptaan kredit merupakan asas untuk membolehkan mereka memberikan jawapan yang betul.

Calon sepatutnya menghuraikan faktor yang mengehadkan proses penciptaan kredit, iaitu kebocoran wang tunai, dasar bank untuk menjaga keteguhan bank, syarat cagaran/syarat pinjaman yang ketat, kekurangan minat meminjam oleh masyarakat, serta keadaan ekonomi dan politik yang tidak stabil.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan tiga kesan dari segi ekonomi sahaja apabila berlaku pengangguran. Pada amnya, prestasi calon tidak memuaskan. Ini kerana calon menjelaskan kesan pengangguran secara umum dan tidak menumpukan kepada kehendak soalan, iaitu kesan ekonomi sahaja.

Sebahagian calon memahami kehendak soalan dengan baik dan dapat memberikan fakta yang betul, namun huraian mereka tidak komprehensif dan kurang tepat. Contohnya, bagi fakta pembaziran sumber manusia, calon tidak mengaitkan jawapan dengan kemahiran sedia ada yang tidak digunakan, kos latihan merugikan, dan meningkatkan kos latihan semula. Kebanyakan calon hanya memberikan pernyataan berlakunya pembaziran faktor pengeluaran. Fakta kos kepada kerajaan juga tidak banyak diberikan oleh calon dan dari segi huraian, calon langsung tidak mengaitkannya dengan kerajaan memberikan elaun pengangguran. Sebahagian besar calon memberikan fakta bukan ekonomi, seperti mengaitkannya dengan kesan sosial, seperti jenayah.

Calon sepatutnya menghuraikan kesan pengangguran dari segi ekonomi, iaitu pembaziran sumber manusia, menjejaskan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, meningkatkan kadar kemiskinan atau jurang agihan pendapatan semakin besar, kos kepada kerajaan meningkat, dan taraf hidup penduduk merosot.

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon memberikan penjelasan bagaimana inflasi boleh menjejaskan (i) imbalan perdagangan dan (ii) nilai mata wang sesebuah negara.

Secara amnya, jawapan calon adalah sederhana. Calon tidak memberikan penjelasan secara terperinci bagaimana inflasi mempengaruhi harga eksport dan harga import, kuantiti eksport dan import, serta imbalan pembayaran. Begitu juga kesan kepada nilai mata wang negara, calon tidak menghubungkaitkan inflasi dengan harga eksport dan harga import, kuantiti eksport dan import, serta perkaitannya dengan permintaan dan penawaran terhadap mata wang asing dan kadar pertukaran.

Calon memberikan penjelasan secara umum, iaitu nilai mata wang turun kerana inflasi. Calon tidak mengaitkan kesan pengurangan permintaan eksport dan peningkatan import ke atas pertukaran asing serta kesannya ke atas penurunan nilai mata wang asing dalam pasaran pertukaran asing. Calon juga tidak dapat membezakan konsep nilai wang (wang tempatan) dengan nilai mata wang (dalam pasaran wang asing).

Inflasi menjejaskan kedua-dua perkara di bawah, iaitu:

(i) Imbalan perdagangan:

Inflasi menyebabkan harga eksport secara relatifnya akan menjadi lebih mahal berbanding dengan harga import. Hal ini akan menyebabkan eksport berkurangan, dan import akan bertambah. Oleh itu, nilai eksport akan berkurang, nilai import akan meningkat, dan eksport bersih berkurang. Hal ini menyebabkan defisit atau kekurangan imbalan perdagangan.

(ii) Nilai mata wang sesebuah negara

Inflasi menyebabkan harga import secara relatifnya murah. Kesannya, import meningkat dan permintaan terhadap mata wang asing juga meningkat. Harga eksport secara relatifnya lebih mahal. Kesannya, eksport berkurang dan permintaan terhadap mata wang domestik berkurang. Hal ini akan menyebabkan kejatuhan nilai mata wang tempatan berbanding dengan nilai mata wang asing.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan tiga alasan sekatan perdagangan dilakukan.

Kelemahan calon ialah mereka hanya dapat memberikan fakta, tetapi tidak dapat menghuraikannya dengan baik. Bagi fakta melindungi industri muda, calon tidak mengaitkannya dengan kos, harga, dan kualiti. Bagi fakta melindungi industri strategik, calon tidak mengaitkannya dengan harga relatif import mahal (kes tarif) dan kos pengeluaran berkurangan (kes subsidi). Bagi fakta mengatasi defisit imbalan pembayaran, kebanyakan calon tidak memberikan penjelasan tentang eksport bersih meningkat. Bagi fakta tindakan antilambakan, calon hanya menerangkan maksud antilambakan, tetapi tidak mengaitkannya dengan harga import, permintaan import, dan permintaan barang tempatan.

Secara amnya, calon mengetahui fakta sebab sekatan perdagangan dilakukan. Mutu jawapan calon boleh dipertingkatkan dengan penjelasan/huraian fakta yang lebih baik, teratur, dan berkait dengan fakta yang berkenaan.

Bagi menjelaskan tiga alasan sekatan perdagangan dilakukan, calon sepatutnya menghuraikan faktor, seperti melindungi industri muda/industri tempatan, melindungi industri strategik, mengatasi defisit imbalan pembayaran/perdagangan, tindakan antilambakan, menggalakkan penggunaan keluaran tempatan atau melindungi pasaran tempatan, mempelbagaikan ekonomi negara, mengurangkan pengangguran, dan menyekat kemasukan barang yang berbahaya/menjejaskan kesihatan.

BAHAGIAN C: Esei

Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan perubahan yang berlaku pada tingkat keseimbangan pendapatan negara apabila peningkatan bekalan wang melebihi kesan peningkatan harga input dengan menggunakan pendekatan gambar rajah AD-AS.

Secara amnya, calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang diberikan oleh calon lengkap dengan gambar rajah yang diperlukan. Calon dapat menerangkan kedudukan keseimbangan asal, peralihan keluk, dan tingkat keseimbangan baru dengan baik. Namun begitu, oleh sebab calon tidak memberikan penerangan bagaimana proses keseimbangan baru dicapai berlaku, maka jawapan calon tidak boleh dikatakan sempurna dan lengkap. Ramai calon tidak menyatakan peralihan AD ke kanan melebihi peralihan AS ke kiri.

Sebahagian kecil calon masih lagi melabelkan paksi mendatar sebagai “kuantiti”, dan bukannya “pendapatan negara”. Terdapat calon yang membuat analisis kesan peningkatan bekalan wang dan peningkatan harga input secara berasingan. Hal ini tidak menepati kehendak soalan.

Calon sepatutnya melukiskan gambar rajah AD-AS untuk menjawab soalan ini. Calon perlu menerangkan kedudukan keseimbangan asal dan menerangkan kesan peningkatan bekalan wang yang menurunkan kadar bunga, meningkatkan pelaburan, dan seterusnya meningkatkan perbelanjaan/permintaan agregat. Keluk AD akan beralih ke kanan dari keluk AD_0 ke AD_1 . Calon perlu menerangkan kesan harga input meningkat yang menyebabkan kos pengeluaran meningkat, penawaran agregat berkurang, dan keluk AS beralih ke kiri dari AS_0 ke AS_1 .

Calon perlu menjelaskan peralihan keluk AD adalah lebih besar daripada peralihan keluk AS dan seterusnya menerangkan proses pelarasan yang berlaku apabila $AD > AS$ (AD berlebihan) sebelum menjelaskan kedudukan keseimbangan yang baru, iaitu keseimbangan pendapatan negara dan harga akan meningkat.

Soalan 10

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghuraikan maksud permintaan wang untuk tujuan spekulasi dan sebab keluknya bercerun negatif.

Secara amnya, jawapan calon adalah lemah. Calon tidak memahami permintaan wang untuk spekulasi dengan mendalam. Calon tidak memahami hubungan antara kadar bunga dengan harga bon. Sebahagian calon sekadar menyatakan spekulasi secara umum. Hakikatnya, calon tidak memahami konsep spekulasi. Calon hanya menyatakan permintaan wang untuk tujuan spekulasi ialah permintaan wang untuk membeli bon dan tidak menghuraikannya dengan lebih lanjut.

Calon sepatutnya menjawab bahawa permintaan wang untuk tujuan spekulasi bermaksud memperoleh keuntungan modal dengan cara membeli aset kewangan, seperti bon semasa harga rendah/kadar bunga tinggi dan menjual bon pada harga tinggi/kadar bunga rendah.

Permintaan wang untuk tujuan spekulasi mempunyai hubungan yang negatif dengan kadar bunga. Semasa kadar bunga tinggi (harga bon rendah), permintaan wang untuk spekulasi adalah rendah kerana banyak wang telah digunakan untuk membeli bon.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghuraikan kesan peningkatan permintaan wang untuk tujuan urus niaga terhadap kadar bunga dengan menggunakan gambar rajah.

Majoriti calon gagal menjawab soalan ini. Boleh dikatakan tiada seorang calon pun yang berupaya untuk menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian besar calon menyatakan tiada sebarang kesan daripada

peningkatan permintaan wang untuk tujuan urus niaga terhadap kadar bunga. Calon menyatakan bahawa permintaan wang untuk tujuan urus niaga ditentukan oleh pendapatan. Jawapan sedemikian adalah salah. Calon gagal melihat proses penentuan kadar bunga secara menyeluruh dan tidak dapat menggambarkan kesan peningkatan permintaan wang untuk tujuan urus niaga terhadap keluk permintaan wang.

Calon sepatutnya melukis gambarajah penentuan kadar bunga (Teori Kewangan Keynes), iaitu paksi menegak ialah kadar bunga dan paksi mendatar ialah kuantiti wang. Calon perlu menerangkan keseimbangan asal terlebih dahulu, iaitu apabila $M^d = M^s$ dan kemudian menerangkan peningkatan permintaan wang untuk urus niaga yang menambahkan permintaan wang keseluruhannya. Kesannya, keluk M^d beralih ke M^{d1} . Calon juga perlu menerangkan proses keseimbangan sehingga keseimbangan baru tercapai pada E_1 dengan kuantiti wang $M = M_0$ dan r_0 meningkat ke r_1 .

Proses keseimbangan adalah seperti yang berikut: pada kadar bunga asal, $M^d > M^s$, orang ramai menjual bon dan harga bon turun, ini bererti kadar bunga naik. Proses ini berterusan hingga keseimbangan baru tercapai, iaitu pada tingkat kadar bunga yang lebih tinggi.

Soalan 11

Soalan ini menghendaki calon membincangkan lima langkah untuk mengurangkan defisit akaun semasa, iaitu akaun semasa dalam imbalan pembayaran. Akaun semasa ialah satu penyata yang merekodkan nilai eksport dan nilai import barang nampak dan barang tak nampak serta bayaran pindahan sesebuah negara dalam jangka masa satu tahun. Sebahagian calon memberikan jawapan secara umum, iaitu menggalakkan eksport dan mengurangkan import. Jawapan yang sedemikian tidak memadai. Huraian yang diberikan oleh calon juga adalah tidak komprehensif dan kurang tepat. Terdapat calon yang memberikan jawapan dasar fiskal dan dasar kewangan sebagai langkah untuk mengatasi defisit akaun semasa dalam belanjawan negara.

Calon sepatutnya memberikan pernyataan bahawa akaun semasa akan defisit apabila import barang nampak dan barang tak nampak serta bayaran pindahan ke luar negara melebihi eksport barang nampak dan barang tak nampak serta bayaran pindahan ke dalam negara. Contohnya adalah apabila perbelanjaan perjalanan warganegara Malaysia ke luar negeri melebihi perbelanjaan warga asing yang melancong ke dalam negeri atau apabila lebih banyak keuntungan (pendapatan pelaburan) firma asing dibawa keluar negara berbanding dengan pendapatan daripada pelaburan yang dibawa masuk ke dalam negeri oleh firma tempatan yang beroperasi di luar negara.

Oleh itu, langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah tersebut adalah:

- (i) Menggalakkan kegiatan pelancongan dalam negeri dan mengurangkan kegiatan pelancongan ke luar negeri
- (ii) Menggalakkan penggunaan perkhidmatan insurans dalam negeri dan mengurangkan penggunaan perkhidmatan insurans luar negeri
- (iii) Menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan milik tempatan untuk urus niaga antarabangsa dan mengurangkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan milik asing
- (iv) Menggalakkan pelaburan semula daripada pendapatan pelaburan asing
- (v) Menggalakkan sektor kerajaan menggunakan perkhidmatan milik tempatan dan mengurangkan penggunaan perkhidmatan milik asing
- (vi) Menggalakkan penggunaan tenaga buruh pakar dan profesional tempatan dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing

Soalan 12

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan maksud pertumbuhan ekonomi dan bagaimana ia diukur.

Secara amnya, calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Walau bagaimanapun, masih ramai calon yang mengabaikan perkataan “benar”. Sebaliknya, calon sekadar menyatakan pendapatan negara/KDNK/KNK. Hal ini tidak memadai kerana perkataan “benar” mestilah disebut, iaitu KDNK benar/KNK benar/pendapatan benar.

Calon sepatutnya memberikan jawapan pertumbuhan ekonomi ialah perubahan pendapatan negara benar atau keluaran negara benar pada tahun semasa berbanding dengan tahun sebelumnya.

Ia diukur dengan kadar pertumbuhan, seperti formula berikut:

$$\text{Kadar pertumbuhan} = \frac{\text{KDNK benar}_t - \text{KDNK benar}_{t-1}}{\text{KDNK benar}_{t-1}} \times 100$$

Nota: KNK juga boleh diterima

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan empat masalah yang dihadapi oleh negara membangun untuk mencapai pertumbuhan ekonomi.

Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah lemah. Calon memberikan fakta yang diperlukan, namun mereka tidak menghuraikannya dengan tepat dan tidak memberikan penjelasan mengapa fakta tersebut menyebabkan pertumbuhan ekonomi terjejas. Sebagai contoh, kekurangan buruh mahir atau pertanian secara tradisional menyebabkan produktiviti rendah. Sebilangan calon membincangkan fakta secara umum sahaja, iaitu kekurangan tenaga buruh. Jawapan sedemikian tidak tepat kerana negara membangun tidak menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh, sebaliknya masalah yang dihadapi ialah kekurangan tenaga buruh mahir. Terdapat sebilangan kecil calon yang menyatakan bahawa faktor yang menghalang pertumbuhan ialah masalah inflasi dan kemelesetan ekonomi. Ini tidak menepati kehendak soalan. Calon sepatutnya menghuraikan masalah ledakan penduduk, kekurangan tenaga buruh mahir, tabungan masyarakat yang rendah, ekonomi tradisional, dan mana-mana masalah yang berkaitan.

BAHAGIAN D: Kuantitatif

Soalan 13

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menjelaskan maksud *pendapatan faktor bersih luar negeri*. Calon memahami *pendapatan faktor bersih luar negeri* dengan baik. Namun demikian, terdapat calon yang memberikan definisi dalam bentuk rumus, iaitu

$$\text{PFBL} = \text{KNK harga tetap} - \text{KDNK harga tetap}$$

Ini tidak menepati kehendak soalan. Calon sepatutnya memberikan penjelasan bahawa *pendapatan faktor bersih luar negeri* ialah perbezaan antara penerimaan pendapatan faktor dari luar negeri dengan pembayaran pendapatan faktor ke luar negeri.

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menghitung pendapatan faktor bersih luar negara pada harga tetap bagi tahun 2005, 2006, dan 2007. Calon perlu menjelaskan sebab nilainya sebegitu rupa. Calon yang memahami kaedah penghitungan tersebut dapat memberikan jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang menghitung pendapatan faktor bersih luar negara menggunakan data harga semasa. Calon ini merupakan calon yang cuai kerana mereka tidak membaca soalan dengan teliti. Sebahagian calon lain pula menggunakan rumus yang salah, iaitu

$$\text{PFBL} = \text{KDNK harga tetap} - \text{KNK harga tetap}$$

Jawapan yang tepat ialah pendapatan faktor bersih luar negara boleh dihitung dengan menggunakan rumus yang berikut:

$$PFBL = KNK \text{ harga tetap} - KDNK \text{ harga tetap}$$

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyatakan data yang digunakan untuk menentukan kadar pertumbuhan ekonomi dalam negara. Jawapan calon adalah lemah. Terdapat sebahagian calon yang menyatakan KDNK atau KNK sebagai jawapan. Ini tidak menepati kehendak soalan. KNK tidak digunakan kerana ia mengambil kira aktiviti yang dijalankan di luar negara. Calon sepatutnya memberikan penjelasan bahawa data yang digunakan ialah KDNK harga tetap. Hal ini demikian kerana nilai KDNK yang dihitung mengikut harga tetap dapat menunjukkan pertumbuhan nilai output sebenar dalam sesebuah negara, tanpa dipengaruhi inflasi.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menentukan kadar pertumbuhan ekonomi. Secara amnya, calon memahami maksud soalan ini. Namun demikian, terdapat calon yang memberikan jawapan yang salah kerana mereka menggunakan data KNK atau data harga semasa untuk menghitung kadar pertumbuhan ekonomi.

Calon sepatutnya menghitung kadar pertumbuhan ekonomi menggunakan rumus yang berikut:

$$\text{Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia} = \frac{KDNK_t - KDNK_{t-1}}{KDNK_{t-1}} \times 100$$

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghitung indeks harga pengguna berdasarkan nilai KDNK harga semasa dan KDNK harga tetap. Sebahagian besar calon dapat menghitung kadar tersebut dengan tepat. Namun demikian, terdapat calon yang menggunakan rumus yang salah, iaitu:

$$\text{Indeks harga pengguna Malaysia (IHP)} = \frac{KDNK \text{ harga tetap}}{KDNK \text{ harga semasa}} \times 100$$

Jawapan yang sepatutnya bagi Indeks harga pengguna adalah mengikut formula yang berikut:

$$IHP_t = \frac{KDNK \text{ harga semasa}_t}{KDNK \text{ harga tetap}_t} \times 100$$

Soalan 14

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan maksud *cukai langsung* dan *cukai tak langsung*. Kunci utama dalam definisi ini ialah perkataan “beban cukai”. Majoriti calon tidak menyatakan perkataan tersebut dalam jawapan mereka. Calon mendefinisikan maksud cukai langsung dan cukai tak langsung sebagai cukai yang boleh dipindahkan atau tidak boleh dipindahkan, tanpa perkataan “beban”. Jawapan ini tidak tepat. Calon sepatutnya memberikan penjelasan bahawa *cukai langsung* ialah cukai yang bebannya tidak boleh dipindahkan kepada orang lain dan *cukai tak langsung* ialah cukai yang bebannya boleh dipindahkan kepada orang lain.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan dua contoh hasil bukan cukai. Sebahagian daripada calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Kebanyakan calon memberikan contoh cukai import dan cukai tak langsung sebagai jawapan. Calon memberikan contoh yang salah walaupun telah dinyatakan dengan jelas contoh yang dikehendaki ialah contoh bukan cukai. Calon sepatutnya memberikan contoh hasil bukan cukai, iaitu faedah dan hasil daripada pelaburan, lesen, bayaran perkhidmatan, cukai jalan, denda dan pampasan, pemberian dari kerajaan luar negeri dan agensi antarabangsa, serta royalti atas petroleum dan gas.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghitung peratusan sumbangan cukai langsung, cukai tak langsung, dan hasil bukan cukai kepada jumlah hasil kerajaan untuk tahun 2007 dan tahun 2008. Kebanyakan calon dapat menghitungnya dengan betul. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang membundarkan jawapan mereka kepada satu tempat perpuluhan. Hal ini menyebabkan calon tersebut tidak dapat melihat peningkatan sumbangan cukai tak langsung.

Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon adalah berdasarkan formula yang berikut:

$$\text{Sumbangan cukai langsung} = \frac{\text{Cukai langsung}}{\text{Jumlah hasil}} \times 100$$

$$\text{Sumbangan cukai tak langsung} = \frac{\text{Cukai tak langsung}}{\text{Jumlah hasil}} \times 100$$

$$\text{Sumbangan hasil bukan cukai} = \frac{\text{Hasil bukan cukai}}{\text{Jumlah hasil}} \times 100$$

Butiran	% Sumbangan	
	Tahun 2007	Tahun 2008
Cukai langsung	$\frac{70\,166}{141\,790} \times 100 = 49.45$	$\frac{74\,915}{147\,093} \times 100 = 50.93$
Cukai tak langsung	$\frac{26\,080}{141\,790} \times 100 = 18.39$	$\frac{27\,080}{147\,093} \times 100 = 18.41$
Hasil bukan cukai	$\frac{45\,594}{141\,790} \times 100 = 32.15$	$\frac{45\,098}{147\,093} \times 100 = 30.66$

Arah alirannya: Cukai langsung dan cukai tak langsung meningkat dan hasil bukan cukai menurun.

Soalan bahagian (d) menghendaki calon menghitung kadar pertumbuhan cukai langsung, cukai tak langsung, dan jumlah hasil kerajaan. Kebanyakan calon dapat menghitungnya dengan betul.

Oleh sebab soalan 14 (c) menghendaki calon menghitung peratusan sumbangan cukai langsung, cukai tak langsung, dan hasil bukan cukai, terdapat ramai calon yang menghitung kadar pertumbuhan hasil bukan cukai, sedangkan soalan menghendaki calon menghitung kadar pertumbuhan jumlah hasil kerajaan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Butiran	Kadar pertumbuhan (%)
Cukai langsung	$\frac{74\,915 - 70\,116}{70\,116} \times 100 = 6.84$
Cukai tak langsung	$\frac{27\,080 - 26\,080}{26\,080} \times 100 = 3.83$
Jumlah hasil kerajaan	$\frac{147\,093 - 141\,790}{141\,790} \times 100 = 3.74$

Soalan bahagian (d) menghendaki calon menjelaskan dua sebab kerajaan mengenakan cukai. Sebahagian besar calon memberikan fakta yang tepat, namun mereka tidak menghuraikan fakta tersebut dengan baik.

Jawapan yang tepat ialah kerajaan mengenakan cukai untuk mendapatkan hasil kerajaan, melindungi industri tempatan, memperbaiki imbalan pembayaran, mengagihkan pendapatan dengan lebih setara, dan mengurangkan penggunaan sesuatu barang yang menjejaskan kesihatan, contohnya arak dan rokok.

Soalan 15

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan maksud *imbangan perdagangan* dan kesannya terhadap keluaran negara. Secara amnya, calon memahami konsep ini, tetapi sebahagian besar calon cuai dalam memberikan definisi ini. Namun begitu, terdapat calon yang hanya menyatakan perbezaan antara eksport dengan import serta mengabaikan perkataan “nilai” dan “barang”. Jawapan tersebut tidak tepat. Calon tidak memberikan pernyataan tentang keluaran negara yang meningkat dan keluaran negara yang berkurangan. Terdapat calon yang memberikan maksud *imbangan perdagangan* dalam bentuk rumus sahaja. Ini tidak menepati kehendak soalan.

Calon sepatutnya memberikan penjelasan bahawa *imbangan perdagangan* ialah perbezaan nilai eksport barang dengan nilai import barang. Jika imbalan perdagangan positif, keluaran negara akan meningkat. Jika imbalan perdagangan negatif, keluaran negara akan berkurangan.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung imbalan perdagangan Malaysia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka membuat penghitungan dengan menggunakan rumus yang berikut:

Imbalan perdagangan = nilai eksport – nilai import

Tahun	Imbalan perdagangan (RM)
2004	$[511.77 - 436.91] = 74.86$
2005	76.43
2006	76.49
2007	69.14

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menghuraikan arah aliran imbalan perdagangan Malaysia dan kesannya terhadap KDNK. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Kelemahan utama calon ialah mereka tidak dapat mengaitkan kedudukan imbalan perdagangan dengan kesannya terhadap KDNK. Jawapan yang tepat ialah arah aliran imbalan perdagangan Malaysia menunjukkan peningkatan dari tahun 2004 hingga tahun 2006, tetapi menurun pada tahun 2007. Peningkatannya pada tahun 2004 hingga tahun 2006 telah meningkatkan KDNK, tetapi penurunannya pada tahun 2007 tidak mengurangkan KDNK.

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menghitung nisbah nilai eksport kepada nilai import. Kebanyakan calon dapat menghitung nisbah tersebut dengan tepat. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang mendarabkan nisbah tersebut dengan 100. Ini tidak menepati kehendak soalan.

Calon sepatutnya menghitungnya dengan menggunakan rumus yang berikut:

$$\text{Nisbah eksport-import} = \frac{\text{Nilai eksport}}{\text{Nilai import}}$$

Tahun	2004	2005	2006	2007
Nisbah eksport-import	$\frac{511.77}{436.91} = 1.17$	1.16	1.15	1.13

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menjelaskan kesan nisbah nilai eksport-import terhadap imbalan perdagangan dan nilai mata wang Malaysia. Secara amnya, jawapan calon adalah lemah. Calon memberikan jawapan berdasarkan nisbah eksport-import yang semakin berkurangan. Dalam membincangkan kesan nisbah eksport-nilai import terhadap imbalan perdagangan dan nilai mata wang Malaysia, calon sepatutnya memberikan analisis berdasarkan nilai nisbah, sama ada melebihi satu atau kurang daripada satu. Calon sepatutnya memberikan jawapan tentang kesan nisbah nilai eksport-nilai import terhadap imbalan perdagangan dan nilai mata wang Malaysia, iaitu:

- (i) Nisbah eksport-import yang melebihi satu menyebabkan imbalan perdagangan positif.
- (ii) Nisbah eksport-import yang melebihi satu menyebabkan nilai RM meningkat.

Soalan 16

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menghitung jumlah pengeluaran dalam negeri serta jumlah import barang dan perkhidmatan pada tahun 2010. Kebanyakan calon dapat menghitungnya dengan tepat.

Jawapan yang tepat ialah:

Jumlah pengeluaran dalam negeri ialah RM290 524.52 juta.

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menghitung jumlah permintaan dalam negeri dan jumlah permintaan luar negeri pada tahun 2010. Kebanyakan calon dapat menghitungnya dengan tepat.

Jawapan yang tepat ialah:

Jumlah permintaan dalam negeri ialah RM234 187.07 juta.

Jumlah permintaan luar negeri ialah RM318 140.92 juta.

Soalan bahagian (a)(iii) menghendaki calon menghitung eksport bersih. Kebanyakan calon dapat menghitungnya dengan tepat.

Jawapan yang tepat ialah:

Eksport bersih ialah RM27 616.40 juta.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung KDNK mengikut permintaan agregat. Tidak ramai yang menjawab soalan ini. Soalan ini adalah mudah, tetapi calon perlu memahami komponen yang harus diambil kira. Komponen ini boleh dilihat dengan jelas dalam jadual yang disediakan.

Jawapan yang tepat ialah:

KDNK ialah RM261 803.47 juta.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menghitung pertumbuhan KDNK pada tahun 2010. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan 16(b)(i) dan 16(b)(ii) dengan tepat. Calon tidak dapat menghitung nilai tersebut kerana jawapan yang salah pada soalan 16(b)(i).

Jawapan yang tepat ialah:

Kadar pertumbuhan KDNK 2010 ialah 33.07%

Soalan bahagian (c) menghendaki calon memberikan huraian dengan ringkas tentang dua langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menggalakkan aktiviti sektor pembuatan. Majoriti calon dapat memberikan fakta dan menghuraikannya dengan baik. Terdapat segelintir calon yang langsung tidak memberikan fakta dari segi ekonomi.

Calon sepatutnya memberikan huraian bagi mana-mana dua fakta yang berikut; iaitu insentif potongan cukai, pemberian taraf perintis, pemberian elaun pelaburan semula, pemberian subsidi pengeluaran, penyediaan infrastruktur, pewujudan zon perdagangan bebas, galakan FDI, penyediaan buruh mahir, serta pemberian kemudahan kewangan, misalnya untuk PKS.